

## **DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN (MQA/FA2706)**

### **1. Matlamat Program**

Diploma Pengurusan Logistik Dan Rantaian Bekalan merupakan satu program baru yang dikenali dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program ini dibangunkan untuk membantu pihak pengurusan dari segi merancang, melaksana dan menggunakan kemahiran yang diperlukan dalam pelbagai bidang industri logistik. Program ini juga diharapkan dapat menghasilkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan menunjukkan kemahiran dalam bidang tersebut.

### **2. Objektif Pengajian Program (PEO)**

- 2.1 Mengenalpasti teori & prinsip asas pengurusan.
- 2.2 Membentangkan idea dengan jelas secara lisan & bertulis.
- 2.3 Mengaplikasikan konsep pengurusan logistik dalam menyelesaikan isu-isu komtemporari.

### **3. Objektif Pembelajaran Program (PLO)**

- 3.1 Menerapkan ilmu pengetahuan yang merangkumi konsep dan teori di dalam bidang Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan.
- 3.2 Menggunakan kefahaman teori dan praktikal untuk menyelesaikan masalah dalam bidang Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan.
- 3.3 Mengamalkan kemahiran keusahawanan untuk menjalankan fungsi-fungsi pekerjaan tertentu dan berdikari dalam bidang Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan.
- 3.4 Mempraktik kemahiran komunikasi dan semangat bekerjasama yang efektif dalam sektor pekerjaan.
- 3.5 Memupuk sikap profesionalisme dan beretika dalam bidang Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan.
- 3.6 Mengaplikasikan ilmu dan kemahiran dalam bidang Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan untuk membangunkan industri profesional dan akademik.

### **4. Prospek Kerjaya**

Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi pelajar daripada program ini membolehkan mereka meneburi bidang dalam pasaran kerja seperti:

- Berpeluang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah, Sarjana, & Doktor Falsafah (PhD)
- Pegawai Pengagihan Rangkaian
- Pegawai Logistik
- Pegawai Gudang
- Pegawai Pembelian
- Pegawai Operasi / Freight
- Penganalisis Logistik, Pengangkutan
- Penolong Perancang dan Penolong Pengeluaran

## 5. Syarat Kemasukan

- Lulus Sijil Pengajian Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam tiga (3) mata pelajaran  
**ATAU**
- Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau yang setara;  
**ATAU**
- Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan dan memiliki SPM dengan minimum satu kredit;  
**ATAU**
- Sijil (Tahap 3, MQF) yang diiktiraf atau setara dalam bidang Muamalat dan Kewangan Islam (MIF) atau yang berkaitan;  
**ATAU**
- Lain-lain kelayakan yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia.

## 6. Struktur Kurikulum

### STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN \*MEI 2019/2020 DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN (MQA/FA2706\_1)

SEMESTER 1			SEMESTER 2		
KOD	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	KOD	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT
KLC2063-19	Al- Arabiyyah Lil al-Mubtadi'in	3	KLC2022	Al-Quran (Hafazan & Tajwid) II	2
KLC2012	Al- Quran (Hafazan & Tajwid) I	2	KLC2253	Ekonomi	3
KLC2032	Aqidah Islamiyyah	2	KIAS2502	Asas Pengurusan Islam	2
KLC2233	Kewangan Islam	3	KLC2042	Syariah Islamiah	2
KLC2223	Tingkah Laku Organisasi Dan Penyeliaan	3	KLC2243	Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan	3
KLC2213	Pengurusan Pengoperasian Logistik	3	KIAS2482	Fundamental English	2
MPU2113	Pengajian Malaysia 2	3	PKA2613	Bahasa Cina	3
MPU2123	Bahasa Melayu Komunikasi 1		PKA2623	Aplikasi ICT	
MPU2412	Ko-Kurikulum	2	MPU2213	Bahasa Kebangsaan A (X kredit BM)	3
MPU2422	Kelab / Persatuan		MPU2223	Keusahawanan 2	
MPU2432	Sukan				
<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>21</b>	<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>20</b>
SEMESTER 3			SEMESTER 4		
KOD	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT	KOD	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT
MPU2313	Pengajian Islam	3	KIAS2492	Intermediate English	2
KLC2313	Undang-Undang Perniagaan	3	KLC2052	Dakwah Islamiyyah	2
KLC2263	Pemerolehan dan Pengurusan Rantaian Bekalan	3	KLC2333	Pembelian Antarabangsa dan Pengurusan Pembekalan	3
KLC2283	Pemasaran Perkhidmatan	3	KLC2343	Takaful untuk Kargo dan Liabiliti	3
KLC2293	Pengurusan Sumber Manusia	3	KLC2323	Pengurusan Gudang	3
KLC2303	Pengendalian Bahan	3	KLC2353	Pengurusan Inventori	3
KLC2273	Pengurusan Operasi	3	KLC2363	Statistik	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>21</b>	<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>19</b>
SEMESTER 5					
KOD	MATA PELAJARAN	JAM KREDIT			
KLC2393	Latihan Industri	9			
<b>Jumlah Jam Kredit</b>		<b>9</b>			

**Keperluan Bergraduata: 90 Jam Kredit**

## 7. Tempoh Pengajian

- 2 ½ tahun (5 semester panjang)

Disediakan oleh:

**MUHAMMAD AZIM BIN ABU HASSAN SHA'ARI**

Ketua Program

Diploma Pengurusan Logistik Dan Rantaian Bekalan

Tarikh: 15 Jun 2020